

Pelajar UniMAP Cipta Panel Sinar-X Mesra Alam Raih Pingat Emas di Taiwan

Pelajar tahun pertama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Farah Suhannah Ezani mencipta kejutan apabila meraih pingat emas pada Pameran Penyelidik Muda Antarabangsa (IYIE 2014) di Taiwan melalui produknya *X-Ray Shielding Panel From Geopolymer Composite*.

Lebih manis lagi, Farah Suhannah yang kali pertama menyertai pameran di peringkat antarabangsa turut dipilih memenangi anugerah khas *Hong Kong Invention Association* pada pameran yang berlangsung di Far East University (FEU) Tainan, Taiwan.

Selain Farah Suhannah, UniMAP turut meraih dua lagi pingat emas pada pameran tersebut menerusi Kherni Hafizah Bakri melalui produk inovasinya iaitu *Advanced Geopolymer Ceramic for High Temperature Application* dan Nur Fatin Nazira Ab Karim dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FETech) dengan rekaciptanya "GRCOMAP" *A New Generation Of Green Composites*. Tidak ketinggalan, seorang pelajar UniMAP turut menerima pingat emas khas dari Persatuan Inovasi Harta Intelpek Dunia (WIIPA) iaitu Nurnabillah Ibrahim melalui produk inovasinya HIJAUPLASTMAP.

Pada pameran yang dirasmikan oleh oleh President FEU, Profesor Dr. Yen-Zen Wang itu, dua pensyarah UniMAP turut terpilih sebagai juri antarabangsa iaitu Dr Mukhzeer Mohamad Shahimin dan Dr. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah yang merupakan Naib Presiden WIIPA.

Selain pelajar UniMAP, delegasi UniMAP turut disertai oleh berapa orang pelajar sekolah antaranya dari Sekolah Menengah Sains Selangor, Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa Kedah, Sekolah Menengah Sains Sultan Ahmad Shah Pahang dan Sekolah Menengah Syed Safi Perlis.

